Kewangan
Bank Negara Malaysia

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 211

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 212

Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024 213

Kewangan
Bank Negara Malaysia



Kewangan Bank

Bank Negara Malaysia (BNM) membiayai sendiri operasi hariannya melalui pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan dalam rizab antarabangsa negara dan operasi am BNM yang lain. Bagi melaksanakan mandatnya dengan berkesan, BNM komited untuk bertanggungjawab, berhemat dan berdisiplin dalam menguruskan kewangan untuk memastikan BNM mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, BNM mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM13.16 bilion (2023: RM7.16 bilion) berikutan jumlah pendapatan yang lebih tinggi sebanyak RM14.98 bilion (2023: RM8.77 bilion), setelah ditolak kos yang berkaitan dengan pengurusan portfolio rizab dan operasi monetari. Pendapatan yang lebih tinggi ini sebahagian besarnya didorong oleh pulangan pelaburan rizab antarabangsa yang lebih mantap dan aktiviti portfolio dalam pasaran pertukaran asing serta pasaran sekuriti global. Perbelanjaan organisasi berjumlah RM1.78 bilion pada tahun 2024 (2023: RM1.57 bilion), dengan kos kakitangan menyumbang kira-kira separuh daripada perbelanjaan tersebut.

Daripada keuntungan bersih sebanyak RM13.16 bilion, RM7.91 bilion (2023: RM4.31 bilion) akan dipindahkan kepada Rizab Risiko,[1] yang berjumlah RM147.90 bilion pada akhir tahun 2024 (2023: RM151.25 bilion).

Memandangkan rizab antarabangsa BNM adalah dalam mata wang asing, pengumpulan penampan kewangan yang mencukupi adalah penting bagi menghadapi volatiliti dan kejutan dalam pasaran kewangan pada masa hadapan serta menguruskan risiko turun naik kadar pertukaran dalam landskap global yang tidak menentu. Baki keuntungan bersih sebanyak RM5.25 bilion akan dibayar kepada Kerajaan sebagai dividen (2023: RM2.85 bilion).

Jumlah aset pada 31 Disember 2024 menurun kepada RM621.54 bilion (2023: RM631.74 bilion). Rizab antarabangsa terus menjadi sebahagian besar daripada aset BNM sebanyak 84% (2023: 82%).

Liabiliti BNM terdiri terutamanya daripada mata wang dalam edaran dan deposit oleh institusi kewangan, masing-masing berjumlah RM170.72 bilion dan RM131.92 bilion pada akhir tahun 2024 (2023: masing-masing RM161.82 bilion dan RM176.66 bilion).

[1] Rizab Risiko ialah penampan kewangan yang terdiri daripada pindahan keuntungan bersih terkumpul, keuntungan atau kerugian belum direalisasikan daripada penilaian semula aset dan liabiliti mata wang asing serta perubahan nilai saksama bagi sekuriti yang direkodkan pada nilai saksama.

Nota: Muka surat '3 hingga 22' dalam Sijil Ketua Audit Negara merujuk muka surat 211 hingga 225 dalam Laporan ini.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK NEGARA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Bank Negara Malaysia dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang material seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 22.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Negara Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Negara Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Negara Malaysia;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Negara Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Bank Negara Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia berdasarkan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO' SERI WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
10 MAC 2025

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Abdul Rasheed Ghaffour dan Chin Suit Fang, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2024 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu, mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



ABDUL RASHEED GHAFFOUR
PENGERUSI

25 FEBRUARI 2025
KUALA LUMPUR



CHIN SUIT FANG
PENGARAH

25 FEBRUARI 2025
KUALA LUMPUR

BANK NEGARA MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Toh Ying Ying, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 25 Februari 2025.)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH
W 703
MOHD FITRY ABDUL GHANI
01/01/2025 - 31/12/2027
MALAYSIA

NO. 58A, JALAN BUKIT RAJA
TAMAN SEPUTEH,
58000 KUALA LUMPUR

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM juta	2023 RM juta Dinyatakan semula
ASET			
Emas dan Aset Kewangan Asing	3	489,309	487,960
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa dan Milikan Hak Pengeluaran Khas	4	30,821	32,905
Kertas Kerajaan Malaysia	5	12,805	13,009
Deposit dengan Institusi Kewangan	6	-	1,202
Pinjaman dan Pendahuluan	7	26,310	24,234
Tanah dan Bangunan	8	4,598	4,610
Aset-aset Lain	9	57,697	67,822
Jumlah Aset		**621,540**	**631,742**
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		170,720	161,816
Deposit oleh: Institusi Kewangan		131,918	176,659
Kerajaan Persekutuan		5,233	3,526
Lain-lain	10	79,866	40,075
Kertas Bank Negara	11	12,431	29,235
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	4	28,185	29,738
Liabiliti-liabiliti Lain	12	3,121	3,268
Jumlah Liabiliti		431,474	444,317
Modal	13	100	100
Kumpulan Wang Rizab Am	14	28,888	28,888
Rizab Risiko	15	147,896	151,251
Keuntungan Sebelum Agihan	16	13,182	7,186
Jumlah Modal		190,066	187,425
Jumlah Liabiliti dan Modal		**621,540**	**631,742**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	2024 RM juta	2023 RM juta
Jumlah Pendapatan	17	**14,978**	**8,772**
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	18	(1,647)	(1,441)
Perbelanjaan Pembangunan	19	(128)	(126)
Jumlah Perbelanjaan		**(1,775)**	**(1,567)**
Keuntungan Bersih Sebelum Cukai		**13,203**	**7,205**
Tolak: Cukai	20	(41)	(43)
Keuntungan Bersih Selepas Cukai		**13,162**	**7,162**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

NOTA-NOTA BAGI PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

1. **Maklumat Am**

Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958. Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009. Ibu pejabat BNM terletak di Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Matlamat utama BNM adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Sehubungan dengan itu, fungsi utama BNM adalah seperti yang berikut:

(a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;

(b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;

(c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk pada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh BNM;

(d) untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;

(e) untuk mengawasi sistem pembayaran;

(f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;

(g) untuk memegang dan menguruskan rizab asing Malaysia;

(h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan

(i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

2. **Dasar Perakaunan**

2.1 **Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

(a) Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) yang berkaitan. Seksyen 10 Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa, dalam penyediaan penyata kewangannya, BNM hendaklah mematuhi MFRS setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi BNM. Dengan mengambil kira tanggungjawab BNM untuk menguruskan dasar monetari yang berkesan serta menggalakkan kestabilan pasaran kewangan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza daripada MFRS dalam beberapa aspek tertentu.

(b) Penyediaan penyata kewangan ini mengikut dasar yang dinyatakan pada perenggan 2.1 (a) yang menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan dalam menerapkan dasar perakaunan. Ia juga memerlukan penggunaan anggaran dan andaian berdasarkan maklumat yang ada, yang mungkin mempengaruhi aset dan liabiliti yang dilaporkan, termasuk pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan

BANK NEGARA MALAYSIA

itu. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

(c) Penyata kewangan ini disediakan pada asas akruan, menggunakan konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.2 **Perubahan dalam Dasar Perakaunan**

Dalam tahun kewangan semasa, BNM telah mengubah dasar perakaunan bagi tanah dan bangunan untuk mencerminkan tujuan pemegangan hartanah dengan lebih baik, yang kebanyakannya adalah untuk kegunaan dalaman. Berikutan perubahan ini, BNM telah mengukur semula tanah dan bangunan yang sebelumnya tanah diukur pada model penilaian semula dan bangunan pula menggunakan kos nominal sebanyak RM10 setiap satu, menggunakan model kos.

Impak terhadap perubahan dasar perakaunan ini didedahkan dalam Nota 25.

2.3 **Penukaran Mata Wang Asing**

(a) Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia, yang merupakan mata wang fungsian BNM, dan dibundarkan kepada juta terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

(b) Urus niaga dalam mata wang asing telah dinilai berdasarkan kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga. Keuntungan atau kerugian mata wang asing yang terhasil daripada penyelesaian transaksi tersebut diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

(c) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Perbezaan nilai yang disebabkan oleh penilaian semula kadar pertukaran mata wang asing diiktiraf dalam Rizab Risiko.

2.4 **Penyatuan**

(a) **Syarikat Subsidiari**

Syarikat Subsidiari ialah entiti yang dikawal oleh BNM. BNM mempunyai kawalan terhadap sesebuah entiti apabila BNM terdedah, atau mempunyai hak terhadap, pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan entiti tersebut dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya untuk mengawal aktiviti berkaitan entiti tersebut.

(b) **Syarikat Bersekutu**

Syarikat Bersekutu ialah entiti yang BNM mempunyai pengaruh yang signifikan tetapi tidak mempunyai kuasa secara amnya atau kuasa bersama, diiringi dengan pemegangan saham antara 20% hingga 50% daripada hak mengundi dalam entiti tersebut.

BNM tidak menyediakan penyata kewangan disatukan untuk syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu kerana entiti-entiti terbabit ditubuhkan bertujuan untuk pembangunan dan kestabilan industri kewangan. Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan diselaraskan untuk kemerosotan nilai.

2.5 **Emas**

Emas direkodkan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian belum direalisasikan yang disebabkan oleh perubahan nilai saksama emas diiktiraf dalam Rizab Risiko. Keuntungan atau kerugian direalisasikan daripada penjualan emas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.6 **Aset Kewangan Asing**

Aset Kewangan asing merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan ekuiti yang dinyatakan pada nilai saksama. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam Rizab Risiko atau Penyata Pendapatan manakala keuntungan atau kerugian direalisasikan bagi penjualan aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.7 **Perjanjian Belian Balik (Repo) dan Repo Berbalik**

Repo dan Repo Berbalik diolah sebagai pinjaman dan pemberian pinjaman bercagaran. Sekuriti yang dijual di bawah Repo dan sekuriti yang dibeli dibawah Repo Berbalik tidak dinyahiktiraf, dan kekal di dalam Penyata Kedudukan Kewangan, manakala jumlah pinjaman yang berkenaan dilaporkan di bawah Liabiliti-liabiliti Lain dan pemberian pinjaman dilaporkan di bawah Aset-aset Lain. Perbezaan antara harga jualan dengan harga belian balik bagi Repo diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah, manakala bagi Repo Berbalik, diiktiraf sebagai pendapatan faedah dalam Penyata Pendapatan.

2.8 **Tanah dan Bangunan**

Tanah dan bangunan dinyatakan pada kos tolak susut nilai dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos tersebut termasuk perbelanjaan langsung yang boleh dikaitkan dengan pembelian aset tersebut. Kos-kos berikutnya ditambah kepada jumlah bawaan aset, atau diiktiraf sebagai aset berasingan yang bersesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa ia akan menjana manfaat ekonomi masa depan kepada BNM dan kos tersebut boleh diukur dengan pasti. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain dikenakan caj kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh kewangan di mana ia berlaku.

Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai. Tanah pegangan pajakan dan bangunan disusut nilai secara garis lurus sepanjang jangka hayat berguna yang dianggarkan seperti berikut:

	Jangka Hayat Berguna
Tanah pegangan pajakan	Tempoh pajakan
Bangunan di atas tanah pegangan bebas	50 tahun
Bangunan di atas tanah pegangan pajakan	50 tahun atau baki pajakan (mana-mana yang lebih singkat)
Penambahbaikan bangunan	Baki jangka hayat berguna bangunan

Apabila tanah dan bangunan dilupuskan, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawaan bersih diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.9 **Aset Tetap Lain**

Semua aset tetap lain direkodkan sepenuhnya sebagai perbelanjaan pada tahun pembelian di dalam Penyata Pendapatan.

2.10 **Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan**

Aset akan dinilai untuk tujuan rosot dinilai apabila terdapat petunjuk bahawa jumlah bawaan aset mungkin tidak dapat diperolehi semula. Jika terdapat petunjuk sedemikian, jumlah yang boleh dipulihkan bagi aset dianggarkan untuk menentukan jumlah kerugian rosot nilai. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

Pembalikan rosot nilai yang telah diiktiraf pada tahun-tahun lalu direkodkan dalam Penyata Pendapatan apabila terdapat petunjuk bahawa kemerosotan nilai tersebut tidak lagi wujud.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.11 **Mata Wang dalam Edaran**

Mata wang dalam edaran ialah wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan oleh BNM, termasuk mata wang kertas dan syiling peringatan dan mata wang yang tidak lagi sah diperlakukan, untuk kegunaan dalam ekonomi. Mata wang dalam edaran diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai nominal semasa dalam edaran dan dinyahiktiraf apabila dikeluarkan daripada edaran. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pembelian dan pengeluaran wang kertas serta duit syiling diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.12 **Keuntungan Bersih**

Keuntungan bersih BNM diagihkan mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

3. **Emas dan Aset Kewangan Asing**

	2024 RM juta	2023 RM juta
Emas	14,556	11,884
Sekuriti	359,576	401,489
Deposit dan baki bank	104,752	61,532
Lain-lain	10,425	13,055
	489,309	487,960

4. **Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) dan Peruntukan SDR**

Kedudukan rizab terdiri daripada bahagian berbayar Malaysia dalam Kuota IMF dan pinjaman yang diberikan oleh BNM di bawah Rancangan Transaksi Kewangan (Financial Transaction Plan, FTP) IMF dan Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB). Kedua-dua program FTP dan NAB digunakan oleh IMF untuk memberikan pinjaman kepada negara-negara anggotanya.

	2024 RM juta	2023 RM juta
Kedudukan Rizab IMF	5,440	6,229
Milikan SDR	25,381	26,676
	30,821	32,905
Peruntukan SDR	(28,185)	(29,738)
Nilai kedudukan bersih dengan IMF	2,636	3,167

5. **Kertas Kerajaan Malaysia**

Kertas Kerajaan Malaysia merujuk kepada pemegangan instrumen hutang Kerajaan yang merupakan sebahagian daripada instrumen yang boleh digunakan dalam operasi dasar monetari BNM.

	2024 RM juta	2023 RM juta
Sekuriti Kerajaan Malaysia	11,249	11,177
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	1,556	1,832
	12,805	13,009

BANK NEGARA MALAYSIA

6. **Deposit dengan Institusi Kewangan**
Deposit dengan institusi kewangan terdiri daripada deposit yang disimpan oleh BNM dengan institusi kewangan di bawah seksyen 75(i) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

7. **Pinjaman dan Pendahuluan**
Pinjaman dan pendahuluan termasuk pembiayaan yang diberikan oleh BNM kepada institusi kewangan yang merupakan peserta di bawah pelbagai dana yang ditubuhkan menurut seksyen 49 Akta Bank Negara Malaysia 2009 untuk mempromosikan rangkuman kewangan.

	2024 RM juta	2023 RM juta
Dana BNM untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)		
Dana untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan PKS	5,655	4,452
Bantuan Khas PKS yang terjejas akibat COVID-19	18,206	17,441
Pembiayaan Pelancongan PENJANA dan Automasi & Digital untuk PKS yang terjejas akibat COVID-19	1,154	1,030
Dana Rumah Mampu Milik	975	1,000
Lain-lain	320	311
	26,310	24,234

8. **Tanah dan Bangunan**

2024	Tanah Pegangan Bebas	Tanah Pegangan Pajakan	Bangunan di atas Tanah Pegangan Bebas	Bangunan di atas Tanah Pegangan Pajakan	Jumlah
	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta
Kos					
Setakat 1 Januari	3,327	5	1,226	450	5,008
Tambahan	-	-	24	-	24
Penjualan	(2)	(1)	(1)	-	(4)
Setakat 31 Disember	3,325	4	1,249	450	5,028
Susut Nilai Terkumpul					
Setakat 1 Januari	-	2	261	135	398
Caj susut nilai	-	-	25	9	34
Penjualan	-	(1)	(1)	-	(2)
Setakat 31 Disember	-	1	285	144	430
Jumlah Bawaan Bersih	3,325	3	964	306	4,598

BANK NEGARA MALAYSIA

2023 Dinyatakan semula	Tanah Pegangan Bebas	Tanah Pegangan Pajakan	Bangunan di atas Tanah Pegangan Bebas	Bangunan di atas Tanah Pegangan Pajakan	Jumlah
	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta	RM juta
Kos					
Setakat 1 Januari	4,011	151	-	-	4,162
Kesan pertukaran dasar perakaunan	(681)	(135)	1,226	450	860
Setakat dinyatakan semula	3,330	16	1,226	450	5,022
Penjualan	(3)	(11)	-	-	(14)
Setakat 31 Disember	3,327	5	1,226	450	5,008
Susut Nilai Terkumpul					
Setakat 1 Januari	-	20	-	-	20
Kesan pertukaran dasar perakaunan	-	(18)	237	126	345
Setakat dinyatakan semula	-	2	237	126	365
Caj susut nilai	-	2	24	9	35
Penjualan	-	(2)	-	-	(2)
Setakat 31 Disember	-	2	261	135	398
Jumlah Bawaan Bersih	3,327	3	965	315	4,610

9. **Aset-aset Lain**

	2024 RM juta	2023 RM juta
Perjanjian Repo Berbalik	50,728	62,149
Pelaburan dalam Saham dan Bon:		
Syarikat Subsidiari	4,257	4,257
Syarikat Bersekutu	37	37
Pelaburan Lain	95	95
Lain-lain	2,580	1,284
	57,697	67,822

10. **Deposit oleh Lain-lain**
Deposit ini termasuk simpanan deposit oleh bank pusat lain dan agensi kerajaan.

11. **Kertas Bank Negara**
Kertas Bank Negara merupakan kertas yang diterbitkan sebagai sebahagian daripada alat dasar monetari BNM untuk menguruskan mudah tunai dalam pasaran wang domestik.

BANK NEGARA MALAYSIA

12. **Liabiliti-liabiliti Lain**

	2024 RM juta	2023 RM juta
Akruan	1,462	1,728
Perjanjian Repo	1,104	1,121
Lain-lain	555	419
	3,121	3,268

13. **Modal**

Modal BNM dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia.

14. **Kumpulan Wang Rizab Am**

Pengagihan keuntungan bersih kepada Kumpulan Wang Rizab Am dan dividen kepada Kerajaan hanya akan diiktiraf setelah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah dan Menteri menurut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009. Tiada pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2024 dan 31 Disember 2023.

15. **Rizab Risiko**

Rizab Risiko ialah penampan kewangan yang terdiri daripada pindahan keuntungan bersih terkumpul, keuntungan atau kerugian belum direalisasikan daripada penilaian semula aset dan liabiliti mata wang asing serta perubahan nilai saksama bagi sekuriti yang direkodkan pada nilai saksama.

	2024 RM juta	2023 RM juta Dinyatakan Semula
Setakat 1 Januari	151,251	116,610
Kesan pertukaran dalam dasar perakaunan	24	1,190
Perubahan dalam tahun semasa	(3,379)	33,451
Setakat 31 Disember	147,896	151,251

16. **Keuntungan Sebelum Agihan**

	2024 RM juta	2023 RM juta
Setakat 1 Januari	7,186	6,986
Tolak:		
Pindahan kepada Rizab Risiko	(4,336)	(4,236)
Dividen dibayar kepada Kerajaan	(2,850)	(2,750)
	-	-
Tahun semasa	13,162	7,162
Tambah: Pindahan keuntungan dari Rizab Penilaian Semula Tanah	20	24
Setakat 31 Disember	13,182	7,186

BANK NEGARA MALAYSIA

Setelah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah dan Menteri, pengagihan keuntungan akan diiktiraf dalam penyata kewangan pada tahun yang berikutnya.

Dividen dibayar kepada Kerajaan bagi tahun kewangan berakhir 2023, berjumlah RM2.85 bilion, telah diluluskan oleh Menteri pada 21 Mac 2024.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, Lembaga Pengarah telah meluluskan pindahan sebanyak RM7.91 bilion kepada Rizab Risiko dan mencadangkan dividen sebanyak RM5.25 bilion kepada Kerajaan.

17. Jumlah Pendapatan

	Nota	2024 RM juta	2023 RM juta
Pendapatan Operasi	(a)	14,655	8,472
Pendapatan Pinjaman dan Pendahuluan	(b)	33	34
Pendapatan Lain	(c)	290	266
		14,978	8,772

(a) **Pendapatan Operasi**
Pendapatan operasi merangkumi faedah, dividen, keuntungan atau kerugian ke atas penjualan sekuriti dan ditolak kos dasar monetari.

(b) **Pendapatan Pinjaman dan Pendahuluan**

	2024 RM juta	2023 RM juta
Dana BNM untuk PKS	16	17
Dana Rumah Mampu Milik	10	10
Lain-lain	7	7
	33	34

(c) **Pendapatan Lain**
Pendapatan lain termasuk pendapatan daripada caj pemprosesan mata wang dan penjualan wang kertas dan duit syiling peringatan.

BANK NEGARA MALAYSIA

18. **Perbelanjaan Berulang**

	Nota	2024 RM juta	2023 RM juta
Modal Insan	(a)	(872)	(771)
Operasi Mata Wang	(b)	(197)	(176)
Teknologi Maklumat	(c)	(153)	(131)
Utiliti dan Penyelenggaraan	(d)	(176)	(145)
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(e)	(215)	(218)
Susut Nilai	(f)	(34)	-
		(1,647)	(1,441)

(a) **Modal Insan**
Modal insan termasuk gaji, elaun, kos perubatan kakitangan dan caruman berkanun majikan.

(b) **Operasi Mata Wang**
Operasi mata wang terdiri daripada perbelanjaan secara langsung dan tidak langsung dalam proses pengeluaran wang kertas dan duit syiling.

(c) **Teknologi Maklumat**
Teknologi maklumat merupakan perbelanjaan yang ditanggung untuk mengekalkan infrastruktur dan peralatan IT termasuk pembaharuan lesen dan pembelian alatan habis guna IT.

(d) **Utiliti dan Penyelenggaraan**
Utiliti dan penyelenggaraan termasuk perbelanjaan berkaitan dengan penyelenggaraan bangunan pejabat BNM dan premis-premis lain.

(e) **Perbelanjaan Am dan Pentadbiran**
Perbelanjaan am dan pentadbiran merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pentadbiran operasi harian BNM.

(f) **Susut Nilai**
Susut nilai dikenakan untuk tanah pegangan pajakan dan bangunan.

19. **Perbelanjaan Pembangunan**
Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan yang ditanggung terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh BNM selaras dengan matlamat dan fungsi utama BNM.

BANK NEGARA MALAYSIA

20. **Cukai**

BNM dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989. Perbelanjaan cukai ialah cukai pegangan tidak boleh dituntut ke atas dividen dan faedah daripada pelaburan asing serta cukai keuntungan modal ke atas penjualan pelaburan asing.

21. **Perkara Luar Jangka dan Komitmen**

21.1 **Aset Luar Jangka**

Jumlah aset luar jangka setakat 31 Disember 2024 ialah RM1,840 juta. Aset ini terdiri daripada jumlah pendanaan BNM kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) berjumlah RM1,000 juta dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM840 juta untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan masing-masing oleh Asia School of Business (ASB) dan Universiti INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah pendanaan tersebut akan dikembalikan kepada BNM apabila pusat-pusat tersebut mampu berdikari pada masa hadapan.

21.2 **Tuntutan Perundangan**

Beberapa tuntutan perundangan terhadap BNM masih belum selesai setakat 31 Disember 2024. Bagi tuntutan perundangan yang berkemungkinan rugi, peruntukan yang diperlukan akan dibuat. Berdasarkan maklumat setakat 31 Disember 2024, anggaran liabiliti luar jangka tidak akan memberi kesan yang material terhadap kedudukan kewangan dan operasi BNM.

21.3 **Komitmen**

Jumlah komitmen tertunggak adalah seperti berikut:

	Nota	2024 RM juta	2023 RM juta
Keanggotaan dengan IMF	(a)		
Kuota Belum Berbayar	(i)	15,769	16,409
Pengaturan Baharu untuk Meminjam	(ii)	3,969	4,183
Perjanjian Pinjaman Dua Hala	(iii)	1,929	1,978
Pengaturan Swap	(b)		
Pengaturan Swap Dua Hala dengan Bank Pusat Lain	(i)	170,704	142,540
Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai	(ii)	40,745	41,787
Perjanjian Repo dengan Bank Pusat dan Pihak Berkuasa Monetari	(iii)	22,378	22,950
Jumlah Komitmen Tertunggak		255,494	229,847

BANK NEGARA MALAYSIA

(a) **Keanggotaan dengan IMF**

(i) Kuota Belum Berbayar mewakili bahagian belum bayar kuota Malaysia dalam IMF di bawah Perjanjian Artikel (Articles of Agreement) di mana BNM mempunyai kewajipan untuk membayar kepada IMF dalam SDR atau dalam mata wang boleh tukar lain.

(ii) Pengaturan Baru untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB) adalah pengaturan kredit antara BNM dan IMF untuk menyediakan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF bagi tujuan menjaga kestabilan sistem kewangan antarabangsa.

(iii) Perjanjian Pinjaman Dua Hala (Bilateral Borrowing Agreement, BBA) melibatkan sumbangan dua hala oleh BNM kepada IMF untuk tujuan pencegahan dan penyelesaian krisis kewangan, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2021.

(b) **Pengaturan Swap**

(i) Pengaturan Swap Dua Hala (Bilateral Swap Arrangement, BSA)
Secara amnya, BNM mengambil bahagian dalam BSA dengan bank pusat lain yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penyelesaian perdagangan dan pelaburan langsung dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara, dan menyediakan sokongan mudah tunai untuk imbangan pembayaran jangka pendek. BNM telah menandatangani BSA dengan People's Bank of China, Bank of Korea, Bank Indonesia, Bank of Japan and Bank of Thailand.

(ii) **Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai**
BNM menyertai pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) yang bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan melalui transaksi swap mata wang dalam Dolar AS atau mata wang tempatan terpilih kepada negara anggota ASEAN+3 untuk menangani imbangan pembayaran dan kesukaran mudah tunai jangka pendek dalam rantau ini.

(iii) **Perjanjian Repo dengan Bank Pusat dan Pihak Berkuasa Monetari**
BNM telah menandatangani perjanjian repo dengan beberapa bank pusat dan pihak berkuasa monetari serantau di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) untuk menyediakan bantuan mudah tunai semasa kecemasan.

22. **Pengurusan Risiko Kewangan**

Jawatankuasa Pengurusan Rizab memantau penilaian, pengukuran dan kawalan risiko pelaburan dalam pengurusan rizab supaya rizab berada pada paras yang sewajarnya bagi memastikan matlamat untuk melindungi modal, mudah tunai dan pulangan yang munasabah tercapai. Dalam melaksanakan fungsi ini, risiko utama pelaburan merangkumi risiko yang berikut:

(a) **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan BNM terhadap pergerakan negatif dalam harga pasaran yang berkaitan dengan kadar pertukaran asing, kadar faedah serta harga bon dan ekuiti. Risiko pasaran dinilai dan dipantau setiap hari. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan boleh juga dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada instrumen tanda aras. Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui satu set had pengurusan risiko, pengaturan tadbir urus dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

BANK NEGARA MALAYSIA

(b) **Risiko Kredit**
Risiko kredit ialah risiko kemungkiran oleh penerbit sekuriti atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada BNM yang menyebabkan BNM tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah, mengikut tempoh yang sepatutnya. Rangka kerja risiko kredit yang komprehensif menggariskan pelaburan yang dibenarkan dan kesanggupan BNM untuk mengambil risiko, dengan itu memastikan pelaburan dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang baik. Rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ini juga mengambil kira penunjuk kredit berasaskan pasaran serta langkah kuantitatif yang menyokong penilaian kredit yang lebih berpandangan ke hadapan.

(c) **Risiko Operasi**
Risiko operasi ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau apa-apa perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus risiko yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi BNM supaya tindakan boleh diambil bagi menguruskan jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

23. **Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) (disebut sebagai 'Akaun Dana Perubatan')**
Akaun Dana Perubatan ditubuhkan pada 21 Jun 2006 di bawah seksyen 15 (6) Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan terus berada di bawah seksyen 83 (4) dan (5) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Akaun Dana Perubatan ditadbir urus di bawah Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) 2006 dan Arahan Amanah Tambahan 2017. Objektif Dana Perubatan ini adalah untuk membantu BNM membiayai perbelanjaan perubatan para pesara BNM dan tanggungan mereka yang layak. Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) 2006, Dana Perubatan hendaklah ditadbir oleh Jawatankuasa Dana Perubatan. Akaun Dana Perubatan disediakan secara berasingan dan hendaklah diaudit sama seperti Akaun BNM.

24. **Transaksi dan Baki Entiti Berkaitan**

Kerajaan Malaysia
Modal BNM dimiliki sepenuhnya oleh kerajaan. BNM membiayai operasinya sendiri dan mengekalkan kebebasan organisasi dan fungsi daripada Kerajaan. Dalam menjalankan operasinya, BNM melakukan transaksi melibatkan entiti berkaitan dan baki signifikan entiti berkaitan dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

Baki Signifikan Entiti Berkaitan

	2024 RM juta	2023 RM juta
Pemegang Saham		
Kerajaan Malaysia		
Pemegangan Kertas Kerajaan Malaysia	12,805	13,009
Penempatan deposit daripada Kerajaan	5,233	3,526

25. **Perubahan dalam Dasar Perakaunan dan Pelarasan Tahun Sebelumnya**
Kesan perubahan dalam dasar perakaunan telah diselaraskan secara retrospektif untuk tempoh terawal yang dibentangkan seolah-olah asas yang digunakan sentiasa diterapkan secara konsisten.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023

	Seperti dinyatakan sebelum ini	Penggunaan model kos	Seperti dinyatakan semula
	RM juta	RM juta	RM juta
Aset			
Tanah dan bangunan	4,128	482	4,610
Jumlah Aset	631,260	482	631,742
Modal			
Rizab Risiko	150,061	1,190	151,251
Rizab Penilaian Semula Tanah	708	(708)	-
Jumlah Liabiliti dan Modal	631,260	482	631,742

26. **Kelulusan Penyata Kewangan**
Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata kewangan ini pada 25 Februari 2025.